



Ruj : UKM KPD/262/2
Tarikh : 31 Oktober 2017

Semua Pelajar Prasiswazah
Fakulti Teknologi dan Sains Maklumat
Pusat Kembangan Pendidikan
Universiti Kebangsaan Malaysia.

Saudara/i,

1. PENILAIAN PENGAJARAN KURSUS SEMESTER 1 SESI AKADEMIK 2017-2018
2. PENDAFTARAN AWAL KURSUS SEMESTER 2 SESI AKADEMIK 2017-2018

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

Adalah dimaklumkan saudara/i dikehendaki membuat penilaian kursus yang diikuti pada Semester 1 Sesi Akademik 2017-2018 secara atas talian di laman web SPPKE, www.ukm.my/sppke mulai 13 hingga 26 November 2017 sebelum membuat pendaftaran awal Semester 2 Sesi Akademik 2017-2018.

Seterusnya, saudara/i **diwajibkan** membuat pendaftaran awal kursus Semester 2 Sesi Akademik 2017-2018 bermula 13 hingga 26 November 2017 di laman web SMPE, www.ukm.my/smpe. **Sebelum membuat pendaftaran sila rujuk terlebih dahulu penawaran kursus di laman web PKP mengikut mod pengajian masing-masing.** Pendaftaran awal ini penting bagi perancangan PKP untuk semester hadapan.

Semua kursus yang telah didaftarkan semasa pendaftaran awal dianggap akan diambil oleh pelajar melainkan pelajar menggugurkan atau menarik diri kursus semasa tempoh gugur kursus atau tarik diri kursus. Pastikan hanya kursus yang benar-benar ingin diikuti sahaja didaftarkan.

Sebarang kesulitan sila hubungi pihak kami di talian 03-8921 3994/5609. Kerjasama yang diberikan didahului dengan ribuan terima kasih.

Sekian, harap maklum.

Yang benar

PROF DR NORHAMIDI MUHAMAD
Pengarah

- s.k. - Ketua Bahagian Pengurusan Akademik, PKP
- Ketua Jabatan Teknologi Maklumat & Sokongan Pembelajaran, PKP
- Penyelaras Program, FTSM